




RESEARCH MANAGEMENT CENTRE 	<b>KRITERIA GERAN NON PRINCIPAL INVESTIGATOR (NPI GRANT) (BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN PROJEK)</b>	Semakan:
		Tarikh Pindaan: 29 Oktober 2023 2023
		Muka surat 1 Daripada 8







BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	<b>Pengenalan</b>	<p>Geran ini diwujudkan bertujuan untuk memberikan platform bagi pendaftaran dan pelaksanaan projek penyelidikan yang tidak layak dikira sebagai PI tetapi menggunakan platform RADIS untuk pengurusan projek.</p> <p>Antara contoh geran bagi projek bukan penyelidikan adalah seperti geran program mobiliti staf, geran servis dan sebagainya.</p> <p>Geran ini juga diwujudkan bagi pendaftaran geran yang dianugerahkan kepada warga UTM selain staf akademik UTM.</p> <p>Geran ini tidak layak dikira <i>Principal Investigator</i> (PI) di dalam LPPT.</p> <p>Kriteria ini disediakan bagi memberikan penerangan berkaitan pengurusan geran ini seperti yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Staf akademik UTM merupakan Ketua Projek (KP) bagi geran ini.</li> <li>2. Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) akan membantu dalam pengurusan geran ini.</li> <li>3. KP bertanggungjawab terhadap semua aktiviti dan penggunaan dana yang dinyatakan atau tidak dinyatakan dalam LoA/MoA.</li> </ol>
2.	<b>Objektif</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menggalakkan hubungan kolaborasi antara penyelidik UTM dalam pelbagai disiplin.</li> <li>2. Meningkatkan dan mengukuhkan jalinan kerjasama strategik di antara penyelidik UTM dan pelbagai pihak dalam dan luar negara.</li> </ol>
3.	<b>Syarat Permohonan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dana mestilah disalurkan ke akaun Bendahari UTM dan tertakluk kepada peraturan penyelidikan dan pekeling kewangan semasa keperluan pihak penaja.</li> <li>2. KP hendaklah seorang warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dan dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama.</li> <li>3. Bagi KP yang bukan warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama.</li> <li>4. Projek mestilah didaftarkan di dalam Sistem RADIS (<a href="https://radis.utm.my">https://radis.utm.my</a>) dan diuruskan oleh RMC.</li> </ol>
4.	<b>Faedah kepada penyelidik UTM</b>	Seperti dalam <i>Letter of Award</i> (LoA) / <i>Letter of Agreement</i> (LoA) / <i>Memorandum of Agreement</i> (MoA) serta dokumen berkaitan.
5.	<b>Dokumen sokongan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Letter of Award</i> (LoA) / <i>Letter of Agreement</i> (LoA) / <i>Memorandum of Agreement</i> (MoA) serta dokumen berkaitan daripada pihak penaja hendaklah menyatakan dengan jelas: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Tajuk program/projek</li> <li>b) Tarikh mula dan tarikh tamat (tempoh)</li> <li>c) Jumlah peruntukan yang diluluskan (RM)</li> <li>d) Senarai ahli penyelidik terlibat (sekurang-kurangnya satu (1) staf akademik tetap UTM)</li> <li>e) Surat/ dokumen perkaitan antara KP dalam <i>Letter of Award</i> (LoA) / <i>Letter of Agreement</i> (LoA) / <i>Memorandum of Agreement</i> (MoA) dengan penyelidik yang berdaftar di dalam RADIS.</li> </ol> </li> <li>2. Proposal.</li> </ol>
6.	<b>Tempoh</b>	Seperti dalam <i>Letter of Award</i> (LoA) / <i>Letter of Agreement</i> (LoA) / <i>Memorandum of Agreement</i> (MoA) serta dokumen berkaitan.

RESEARCH MANAGEMENT CENTRE  	<b>KRITERIA GERAN NON PRINCIPAL INVESTIGATOR (NPI GRANT) (BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN PROJEK)</b>	Semakan:
		Tarikh Pindaan: 29 Oktober 2023 2023
		Muka surat 2 Daripada 8

BIL	PERKARA	KETERANGAN
7.	<b>Peruntukan kewangan</b>	Seperti dalam <i>Letter of Award (LoA) / Letter of Agreement (LoA) / Memorandum of Agreement (MoA)</i> serta dokumen berkaitan.
8.	<b>Peraturan &amp; Kawalan Kewangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. KP hendaklah mematuhi prosedur semasa perolehan kewangan universiti; atau</li> <li>2. Bergantung kepada kelulusan pihak penaja.</li> <li>3. Semua jenis pembelian melalui pesanan rasmi (PO) perlu dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan.</li> <li>4. Sebarang pembelian selepas tarikh tamat tempoh projek tidak akan dipertimbangkan.</li> </ol>
9.	<b>Caj perkhidmatan</b>	Caj perkhidmatan adalah sebanyak 3% daripada nilai projek atau RM500, bergantung pada nilai yang lebih tinggi
10.	<b>Output Projek/Program</b>	<p>Output projek adalah seperti dalam <i>Letter of Award (LoA) / Letter of Agreement (LoA) / Memorandum of Agreement (MoA)</i> serta dokumen berkaitan.</p> <p>Penetapan output IP termasuk hak milik adalah bergantung kepada perbincangan awal antara UTM, penaja dan penyelidik dan perlu dinyatakan dengan jelas di dalam dokumen <i>Letter of Award (LoA) / Letter of Agreement (LoA) / Memorandum of Agreement (MoA)</i> serta dokumen berkaitan</p>
11.	<b>Pemantauan Projek</b>	Seperti dalam <i>Letter of Award (LoA) / Letter of Agreement (LoA) / Memorandum of Agreement (MoA)</i> serta dokumen berkaitan.
12.	<b>Penutupan/ Penamatan Geran</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketua Projek bertanggungjawab untuk menutup geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir dalam tempoh <b>tidak melebihi tiga (3) bulan selepas tarikh tamat</b> geran penyelidikan.</li> <li>2. Ketua Projek perlu menghantar fail <i>Online Claim</i> selepas projek tamat ke Seksyen Kewangan RMC untuk tujuan pengesahan dokumen.</li> <li>3. Aset penyelidikan yang dibiayai menggunakan geran ini perlu diselia oleh Ketua Projek apabila geran telah tamat. Permohonan Pindah Hak Milik / Pelupusan aset penyelidikan tersebut boleh dimajukan ke Seksyen Kewangan RMC.</li> <li>4. Kegagalan menghantar fail <i>Online Claim</i> dan laporan akhir boleh mengakibatkan projek penyelidikan tidak dapat ditutup dengan sempurna dan memberi kesan kepada permohonan dan pendaftaran projek penyelidikan yang akan datang.</li> </ol> <p>Ketua Projek boleh <b>disenarai hitam</b> sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) kali peringatan dihantar.</p>
13	<b>Perihal kriteria</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyediaan kriteria : Pusat Pengurusan Penyelidikan</li> <li>• Kelulusan kriteria : JKPGP 12/2023 pada 29 Oktober 2023</li> </ul>

RESEARCH MANAGEMENT CENTRE 	<b>KRITERIA GERAN  NON PRINCIPAL INVESTIGATOR (NPI GRANT)  (BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN  PROJEK)</b>	Semakan:
		Tarikh Pindaan:29 Oktober 2023 2023
		Muka surat 3 Daripada 8

**Carta Alir Permohonan dan Pendaftaran Geran Non-Principal Investigator (NPI)**

Pegawai Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja
		Mula
Ketua Projek		Membuat permohonan geran penyelidikan melalui RADIS
RM		Membuat semakan berdasarkan elemen research
		<i>Non-Principal Investigator</i>
PT/RM		Memberi khidmat nasihat pendaftaran geran dan mengaktif geran
		Tamat